

09 JAN 1997

Mahathir - Lawatan

LAWATAN SEHARI DR MAHATHIR KE KUBANG PASU

ALOR SETAR, 9 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini untuk lawatan kerja sehari ke kawasan parlimennya, Kubang Pasu.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim dari Kuala Lumpur disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid dan para pegawai kanan kerajaan negeri.

Lawatan kerja Perdana Menteri itu dimulai dengan tinjauan ke kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok dan menyampaikan amanat kepada para pelajar di padang kawad Palapes universiti tersebut.

Sempena lawatan itu beliau menanan sebatang pokok di kawasan kampus UUM.

Kemudian Perdana Menteri meninjau perkembangan projek padang golf Black Forest Golf Resort di Bukit Kayu Hitam berhampiran sempadan Malaysia-Thailand dan menghadiri jamuan tengahari di situ.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri akan melawat tapak projek kompleks pejabat-pejabat kerajaan di Jitra sebelum melawat sekitar pekan tersebut.

Beliau kemudiannya meninjau tapak Kota Tani, kawasan perniagaan hasil pertanian yang dimajukan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) di Kamunting, Jitra sebelum menghadiri jamuan teh anjuran Barisan Nasional (BN) Kedah di kediaman rasmi Menteri Besar di Mentalun, dekat sini.

Perdana Menteri dijadual berlepas pulang ke Kuala Lumpur jam 6 petang ini selepas membuat tinjauan singkat di pekan Kepala Batas berhampiran lapangan terbang. -- BERNAMA.

MZM MFJ WAT